

13 APR 1998

Law-Hukuman

PEMBAKARAN TERBUKA: MAHKAMAH DIMINTA KENAKAN HUKUMAN MAKSIMUM

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menghantar surat rasmi kepada Ketua Hakim Negara untuk meminta mahkamah mengenakan tindakan maksimum denda RM100,000 dan penjara lima tahun terhadap semua kesalahan berkaitan pembakaran terbuka.

Menterinya Datuk Law Hieng Ding berkata hari ini beliau turut meminta kerjasama Peguam Negara agar semua kes berkaitan pembakaran terbuka dibicarakan dengan segera di mahkamah.

"Tindakan tegas perlu dikenakan kepada yang bersalah dan kita tidak lagi hanya mahu mengenakan kompaun bagi kesalahan ini.

"Jabatan Alam Sekitar akan menyiasat semua yang terlibat, sama ada tuan punya tanah atau pihak yang melakukan pembakaran terbuka yang dikesan akan terus di bawa ke mahkamah," katanya pada persidangan berita di sini.

Katanya sekiranya perlu nama-nama pihak yang bersalah melakukan pembakaran terbuka juga akan disiarkan kepada umum sebagai satu cara menyedarkan masyarakat bahawa kerajaan sememangnya serius dalam menangani masalah itu.

"Akta Kualiti Alam Sekitar yang sedia ada juga akan turut dipinda sekiranya perlu. Ini penting untuk memberi penekanan kepada tindakan dan penguatkuasaan dalam beberapa soal untuk menyesuaikan dengan keadaan, " kata Law.

Sehubungan dengan itu, operasi jerebu/bakar yang dimulakan di Wilayah Persekutuan dan Selangor pada 8 April lepas akan diteruskan ke seluruh negara mulai esok, katanya.

Operasi itu ialah untuk mengesan kebakaran secara terbuka dan pelepasan asap hitam daripada kenderaan dari udara, dengan dibantu oleh Unit Udara Polis. Pihak Bomba dan Penyelamat juga sentiasa bersedia untuk segera ke tempat kebakaran yang dapat dikesan.

JAS telah menubuhkan 39 pasukan untuk melakukan rondaan dari darat dan akan berkerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis untuk mengesan kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan.

JAS akan menghantar laporan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada setiap hari, kerana beliau sendiri amat mengambil berat dan ingin mengetahui kedudukan sebenar di seluruh negara, katanya.

Law berkata operasi yang dijalankan pada 9 April lepas berjaya mengesan tujuh kes, antaranya melibatkan pembakaran terbuka di ladang dan tempat pelupusan sampah.

"Sehingga kini satu kes melibatkan pembakaran terbuka telah selesai disiasat dan diserahkan kepada Peguam Negara untuk dibicarakan manakala satu lagi kes masih disiasat," kata Law. -- BERNAMA

WNZ NMO